

Panduan Pengguna Nokia 2310

PENGISYTIHARAN KEPATUHAN

NOKIA CORPORATION dengan ini mengisytiharkan bahawa produk RM-189 ini mematuhi dengan keperluan penting dan peruntukan Arahan 1999/5/EC yang lain.

Satu salinan Pengisytiharan Kepatuhan ini boleh didapati di http://www.nokia.com/phones/declaration_of_conformity/.

CE 0434

Hak cipta © 2006 Nokia. Semua hak terpelihara.

Pengeluaran semula, pemindahan, pengedaran atau penyimpanan sebahagian atau sebahagian daripada kandungan dokumen ini dalam apa-apa juga bentuk tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Nokia adalah dilarang.

US Patent No 5818437 dan lain-lain paten menunggu kelulusan. Perisian input teks T9 Hak cipta © 1997-2006. Tegic Communications, Inc. Semua hak terpelihara.

Nokia dan Nokia Connecting People adalah cap dagang atau cap dagang berdaftar Nokia Corporation. Produk-produk lain dan nama syarikat yang disebut di sini merupakan cap-cap dagang atau nama-nama perdagangan tuan punya-tuan punya masing-masing syarikat-syarikat tersebut.

Nokia tune adalah cap bunyi Nokia Corporation.

Nokia melaksanakan dasar pembangunan yang berterusan. Nokia mempunyai hak untuk membuat perubahan dan penambahbaikan kepada mana-mana produk yang dinyatakan dalam dokumen ini tanpa memberi notis terlebih dahulu.

Nokia tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa jua keadaan bagi sebarang kehilangan data atau pendapatan, atau apa-apa kerugian khas, sampingan, secara akibatnya atau secara tidak langsung walau macam mana pun ia berlaku.

Kandungan-kandungan dokumen ini diberikan "seperti sedia ada". Kecuali dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai, tidak ada jaminan dalam apa jua bentuk, sama ada nyata atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada jaminan yang tersirat kebolehdagangan dan kesesuaiannya bagi sesuatu tujuan, dibuat berdasarkan ketepatan, kebolehpercayaan atau kandungan-kandungan dokumen ini. Nokia mempunyai hak untuk menyemak atau menarik balik dokumen ini tanpa memberi notis terlebih dahulu.

Kesedia adanya produk-produk tertentu mungkin berbeza mengikut kawasan. Sila hubungi pengedar Nokia yang berdekatan dengan anda untuk keterangan lanjut.

Peranti ini mungkin mengandungi komoditi, teknologi atau perisian yang tertakluk pada undang-undang dan peraturan eksport dari Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Lencongan yang bertentangan dengan undang-undang adalah dilarang.

Daftar kandungan

Untuk keselamatan anda....v

Perihal peranti anda viii

Perkhidmatan rangkaian viii

Maklumat am x

Kod akses x

Memori yang dikongsi xi

Maklumat sokongan dan hubungan Nokia xii

1. Memulakan 1

Memasang kad SIM dan bateri..... 1

Mengecas bateri 3

Menghidupkan dan mematikan 4

Kekunci dan bahagian-bahagian 5

Pintasan dalam mod siap sedia 6

Mengunci pad kekunci..... 7

2. Fungsi-fungsi panggilan..... 9

Membuat dan menjawab panggilan 9

Pembesar suara 10

Mesej suara 10

3. Menulis teks 11

4. Fungsi menu..... 13

Mesej 13

Kenalan 17

Daftar panggilan 19

Tetapan 20

Jam penggera 27

Radio 28

Peringatan..... 30

Permainan 31

Tambahan..... 31

Perkhidmatan SIM 33

5. Maklumat bateri.....	34
Mengecas dan menyahcas	34
Garis panduan pengesahan bateri Nokia.....	36
6. Tambahan Tulen.....	40
Bateri.....	41
Pengecas Bergerak Nokia LCH-12.....	42
Audio.....	42
7. Penjagaan dan penyelenggaraan.....	43
8. Maklumat keselamatan tambahan.....	46
Persekitaran beroperasi.....	46
Alat perubatan	47
Kenderaan.....	49
Persekitaran di mana letupan boleh berlaku	50
Panggilan kecemasan.....	51
Maklumat pensijilan (SAR).....	53
Indeks.....	55

Untuk keselamatan anda

Baca garis panduan mudah ini. Tidak mematuhiya mungkin berbahaya atau salah di sisi undang-undang. Baca panduan pengguna lengkap ini untuk maklumat lanjut.



HIDUPKAN DENGAN SELAMAT

Jangan hidupkan telefon apabila penggunaan telefon wayarles dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.



UTAMAKAN KESELAMATAN DI JALAN RAYA

Patuhi semua undang-undang tempatan. Sentiasa pastikan tangan anda bebas untuk mengendalikan kenderaan semasa memandu. Perkara pertama yang harus anda pertimbangkan semasa memandu haruslah keselamatan jalan raya.



GANGGUAN

Semua telefon wayarles boleh mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasi.



MATIKAN DI HOSPITAL

Patuhi sebarang sekatan. Matikan telefon apabila berdekatan dengan peralatan perubatan.



MATIKAN DI DALAM KAPAL TERBANG

Patuhi sebarang sekatan. Peranti-peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.



MATIKAN APABILA MENGISI BAHAN BAKAR

Jangan gunakan telefon di tempat mengisi bahan bakar. Jangan gunakan berdekatan bahan bakar atau bahan kimia.



MATIKAN DEKAT KAWASAN PELETUPAN

Patuhi sebarang sekatan. Jangan gunakan telefon di mana letupan sedang dijalankan.



GUNAKAN DENGAN BIJAK

Gunakan hanya dengan gaya biasa seperti yang diterangkan di dalam dokumentasi produk. Jangan sentuh antena jika tidak perlu.



KHIDMAT BERKELAYAKAN

Hanya kakitangan berkelayakan boleh memasang atau memperbaiki produk ini.



TAMBAHAN DAN BATERI

Gunakan hanya tambahan dan bateri yang diluluskan. Jangan sambungkan produk-produk yang tidak serasi.



KETAHANAN-AIR

Telefon anda tidak kalis air. Pastikan ia sentiasa kering.



SALINAN-SANDARAN

Ingatlah untuk membuat salinan-salinan sandaran atau menyimpan rekod bertulis mengenai semua maklumat penting yang disimpan di dalam telefon anda.



MENYAMBUNG KEPADA PERANTI LAIN

Apabila menyambung kepada sebarang peranti lain, baca panduan penggunaannya untuk arahan-arahan keselamatan terperinci. Jangan sambungkan produk-produk yang tidak serasi.



PANGGILAN KECEMASAN

Pastikan telefon dihidupkan dan boleh digunakan. Tekan kekunci tamat seberapa banyak kali yang perlu untuk mengosongkan paparan dan kembali ke skrin permulaan. Masukkan nombor kecemasan, kemudian tekan kekunci panggil. Berikan lokasi anda. Jangan tamatkan panggilan sehingga dibenarkan berbuat demikian.

■ Perihal peranti anda

Peranti wayarles yang diperihalkan dalam panduan ini diluluskan untuk digunakan pada rangkaian EGSM 900 dan GSM 1800. Hubungi pembekal khidmat anda untuk maklumat lanjut mengenai rangkaian.

Apabila menggunakan ciri-ciri di dalam peranti ini, patuhi semua undang-undang dan hormati privasi dan hak-hak sah orang lain.



Amaran: Untuk menggunakan sebarang ciri dalam peranti ini, selain daripada jam penggera, peranti ini mestilah dihidupkan. Jangan hidupkan peranti ini apabila penggunaan wayarles boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

■ Perkhidmatan rangkaian

Untuk menggunakan telefon ini anda mestilah mempunyai perkhidmatan daripada pembekal khidmat wayarles. Banyak ciri di dalam peranti ini bergantung kepada ciri-ciri dalam rangkaian wayarles untuk berfungsi. Perkhidmatan rangkaian ini mungkin tidak dapat diperolehi pada kesemua rangkaian atau anda mungkin perlu membuat persiapan tertentu dengan pembekal khidmat anda sebelum anda boleh menggunakan perkhidmatan

rangkaian ini. Pembekal khidmat anda mungkin perlu memberi anda arahan-arahan tambahan bagi penggunaannya dan menerangkan bayaran yang mungkin dikenakan. Sesetengah rangkaian mungkin mempunyai had yang menjejaskan cara anda menggunakan perkhidmatan rangkaian. Contohnya, sesetengah rangkaian mungkin tidak menyokong semua aksara dan perkhidmatan yang bergantung kepada bahasa.

Pembekal khidmat anda mungkin telah meminta agar ciri-ciri tertentu dilumpuhkan atau tidak diaktifkan di dalam peranti anda. Jika demikian, ia tidak akan muncul pada menu peranti anda. Peranti anda mungkin juga telah ditatarajah secara khusus. Tatarajah ini mungkin termasuk perubahan dalam nama menu, susunan menu, dan ikon. Hubungi pembekal khidmat anda untuk maklumat lanjut.

Maklumat am

■ Kod akses

Kod keselamatan ini yang dibekalkan dengan telefon melindungi telefon anda daripada digunakan tanpa izin. Kod yang dipratetap ialah 12345.

Kod PIN ini yang dibekalkan dengan kad SIM membantu melindungi kad daripada digunakan tanpa izin. Kod PIN2 ini dibekalkan dengan sesetengah kad diperlukan untuk mengakses perkhidmatan tertentu. Jika anda memasukkan kod PIN atau PIN2 yang salah sebanyak tiga kali berturut-turut, anda akan diminta memasukkan kod PUK atau PUK2. Jika anda tidak mempunyai kod-kod tersebut, hubungi pembekal khidmat tempatan anda.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan keselamatan* untuk menetapkan cara telefon anda menggunakan kod akses dan tetapan keselamatan.

■ Memori yang dikongsi

Ciri-ciri berikut di dalam peranti ini mungkin menggunakan memori yang dikongsi: *Mesej* dan *Komposer*. Penggunaan satu atau lebih daripada ciri-ciri ini boleh mengurangkan memori yang terdapat bagi ciri-ciri lain yang berkongsi memori. Sebagai contoh, menyimpan banyak mesej teks mungkin akan menggunakan semua memori yang sedia ada. Peranti anda mungkin memaparkan mesej bahawa memori telah penuh apabila anda cuba menggunakan ciri memori yang dikongsi. Dalam hal ini, padam beberapa maklumat atau entri yang disimpan di dalam ciri-ciri memori yang dikongsi sebelum meneruskan. Seseengah daripada ciri-ciri ini, seperti *Kenalan*, mungkin mempunyai jumlah memori tertentu yang diperuntukkan khas kepadanya tambahan kepada memori yang dikongsi dengan ciri-ciri lain.

■ Maklumat sokongan dan hubungan Nokia

Untuk mendapatkan versi terkini panduan ini, muat turun, perkhidmatan dan maklumat tambahan yang berkaitan dengan produk Nokia anda, sila lawat www.nokia-asia.com/2310/support atau tapak web Nokia tempatan anda. Anda boleh juga memuat turun tetapan tatarajah percuma seperti MMS, GPRS, e-mel, dan perkhidmatan lain untuk model telefon anda di www.nokia-asia.com/phonesettings.

Sekiranya anda masih perlukan bantuan, sila rujuk kepada www.nokia-asia.com/contactus.

Untuk menyemak lokasi pusat jagaan Nokia terdekat untuk mendapatkan perkhidmatan penyelenggaraan, anda boleh mengunjungi www.nokia-asia.com/repair.

1. Memulakan

■ Memasang kad SIM dan bateri

Sentiasa matikan peranti ini dan cabut pengecas sebelum mengeluarkan bateri.


Jauhkan semua kad SIM dari capaian kanak-kanak kecil.

Untuk ketersediaan dan maklumat mengenai penggunaan perkhidmatan kad SIM, hubungi penjual kad SIM anda. Ini boleh jadi pembekal khidmat, operator rangkaian, atau penjual lain.

Peranti ini seharusnya digunakan dengan bateri BL-5C.

1. Tekan butang lepas, dan luncurkan penutup belakang untuk menanggalkannya (1). Angkat bateri, dan tanggalkannya (2).
2. Angkat keluar pemegang kad SIM dengan berhati-hati dari genggam jari telefon (3). Masukkan kad SIM ke dalam pemegang, dengan memastikan bahawa sudut potongan serongnya di sebelah kanan atas dan sesentuh keemasannya menghadap ke bawah (4). Tutup pemegang kad SIM, dan tekan ia supaya ia terkunci di tempatnya (5).

3. Pasang semula bateri dan penutup belakang (6, 7).



Nota: Sentiasa matikan kuasa dan cabut pengecas dan sebarang peranti lain sebelum menanggalkan penutup-penutup. Elakkan daripada menyentuh komponen elektronik semasa menukar penutup. Sentiasa simpan dan gunakan peranti dengan penutupnya terpasang.

■ Mengecap baterai



Amaran: Gunakan hanya baterai, pengecas, dan tambahan yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan khususnya dengan model telefon ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan apa-apa kelulusan atau jaminan, dan mungkin berbahaya.

Periksa nombor model sebarang pengecas sebelum menggunakannya dengan peranti ini. Peranti ini bertujuan untuk digunakan apabila dibekalkan dengan kuasa daripada pengecas AC-2.

Untuk mengetahui sama ada anda boleh mendapatkan tambahan yang diluluskan, sila tanya wakil penjual telefon anda.

1. Sambung pengecas ke soket dinding.
2. Sambung pengecas dengan telefon. Palang penunjuk baterai akan mula menatal. Apabila baterai telah dicas sepenuhnya, palang penunjuk akan berhenti menatal.



Jika bateri benar-benar kehabisan kuasa, beberapa minit diperlukan sebelum penunjuk pengecasan muncul di paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

■ Menghidupkan dan mematikan

Tekan dan tahan kekunci tamat.

Gunakan telefon hanya dengan gaya beroperasi biasa.


Peranti anda mempunyai antena dalaman.



Nota: Seperti sebarang peranti pemancar radio lain, jangan sentuh antena jika tidak perlu apabila peranti dihidupkan. Menyentuh antena akan menjejaskan mutu panggilan dan boleh menyebabkan peranti beroperasi pada aras kuasa lebih tinggi daripada yang diperlukan. Mengelakkan daripada menyentuh bahagian antena semasa mengendalikan peranti ini menghasilkan prestasi optimum antena dan hayat bateri.




Nota: Jangan sentuh penyambung ini kerana ia bertujuan untuk digunakan oleh kakitangan khidmat yang layak sahaja.



■ Kekunci dan bahagian-bahagian

Apabila telefon sedia digunakan, sebelum anda memasukkan sebarang aksara, telefon berada dalam mod siap sedia.

- Nama rangkaian atau logo operator (1)
- Kekuatan isyarat rangkaian (2)
- Paras cas bateri (3)
- Cuping telinga (4)
- Pembesar suara (5)
- Fungsi-fungsi kekunci pilihan (6)
- Kekunci pilihan (7)



Memulakan

- Kekunci tatal (8)
- Kekunci panggil (9)
- Kekunci tamat dan kekunci kuasa (10)
- Pad kekunci (11)
- Penyambung pengecas (12)
- Penyambung alat dengar (13)



Amaran: Kekunci tatal dalam peranti ini mungkin mengandungi nikel. Ia bukan bertujuan bersentuhan dengan kulit untuk jangka masa yang lama. Pendedahan yang berterusan kepada nikel pada kulit boleh menyebabkan alergi nikel.


■ Pintasan dalam mod siap sedia

Tatal ke atas untuk mengakses *Daftar pang..*

Tatal ke bawah untuk mengakses nama dan nombor yang disimpan di dalam *Kenalan*.

Tatal ke kiri untuk menulis mesej.

Tatal ke kanan untuk mengakses kalendar.

Tekan dan tahan *  untuk mengaktifkan radio.

Tekan kekunci pilihan kanan (**P'gi ke**) untuk melihat fungsi dalam senarai pintasan anda.

Tekan kekunci panggil sekali untuk mengakses senarai nombor yang didail. Tatal ke nama atau nombor yang anda mahu, dan untuk memanggil nombor tersebut tekan kekunci panggil.

■ Mengunci pad kekunci

Untuk mengunci pad kekunci agar mengelakkan kekunci daripada tertekan secara tidak sengaja, dalam mod siap sedia, pilih **Menu**, dan tekan * dengan cepat; untuk membuka kunci, pilih **B/kunci**, dan tekan * dengan cepat.

Tetapkan pad kekunci untuk mengunci secara automatik selepas masa tunda yang dipratetapkan semasa telefon berada dalam mod siap sedia dan tiada fungsi telefon yang digunakan, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan telefon* > *Tetapan kawal kekunci* > *Kawal kekunci automatik* > *Aktif*. Untuk menetapkan telefon agar meminta kod keselamatan apabila anda membuka kunci pad kekunci, pilih *Kod kawal kekunci*.

Memulakan

Apabila kunci pad kekunci adalah aktif, panggilan masih boleh dibuat ke nombor kecemasan rasmi yang telah diatur cara ke dalam peranti anda. Masukkan nombor kecemasan, kemudian tekan kekunci panggil. Nombor kecemasan yang anda masukkan mungkin tidak dipaparkan pada skrin.

2. Fungsi-fungsi panggilan

■ Membuat dan menjawab panggilan

Untuk membuat panggilan, masukkan nombor telefon, termasuk kod negara dan kod kawasan sekiranya perlu. Tekan kekunci panggil untuk memanggil nombor. Tatal ke sebelah kanan untuk menambah atau tatal ke sebelah kiri untuk mengurangkan kelantangan cuping telinga (telefon) atau alat dengar semasa panggilan telefon.

Panggilan persidangan (perkhidmatan rangkaian) membenarkan sehingga lima orang mengambil bahagian dalam panggilan yang sama. Untuk membuat panggilan kepada peserta baru, pilih **Pilihan** > *Panggilan baru*; pilih **Buang** untuk mengosongkan skrin jika perlu. Masukkan nombor yang anda mahu, kemudian tekan kekunci panggil. Apabila panggilan baru telah dijawab, untuk menambakkannya ke panggilan persidangan, pilih **Pilihan** > *Sidang*.

Untuk menjawab panggilan masuk, tekan kekunci panggil. Untuk menolak suatu panggilan tanpa menjawab, tekan kekunci tamat.

■ Pembesar suara

Jika tersedia, anda boleh memilih **P. suara** atau **T/b'bit** untuk menggunakan pembesar suara atau cuping telinga telefon semasa panggilan.





Amaran: Jangan pegang peranti ini pada telinga apabila pembesar suara sedang digunakan, kerana kelantangannya mungkin sangat kuat.

■ Mesej suara

Untuk memanggil peti mel suara anda, tekan dan tahan **1** dalam mod siap sedia (perkhidmatan rangkaian). Anda mungkin perlu memasukkan nombor apabila memanggil buat pertama kali. Hubungi pembekal khidmat anda untuk menerima nombor peti mel suara anda.

3. Menulis teks

Anda boleh memasukkan teks dengan menggunakan input teks tradisional  atau input teks ramalan . Untuk menggunakan input teks tradisional, tekan kekunci berulang kali sehingga hurufnya muncul. Untuk menghidupkan input teks ramalan semasa menulis teks, pilih **Pilihan** > *Kamus* dan bahasa yang diinginkan; untuk mematikan, pilih **Pilihan** > *Kamus dipadam*.

Apabila menggunakan input teks ramalan, tekan setiap kekunci sekali untuk huruf tunggal. Jika perkataan yang dipaparkan adalah perkataan yang anda mahu, tekan **O**, dan mula menulis perkataan seterusnya. Jika anda mahu menukar perkataannya, tekan * berkali-kali sehingga perkataan yang anda mahu muncul. Jika ? dipaparkan selepas perkataannya, perkataan itu tidak ada di dalam kamus. Untuk menambah perkataan kepada kamus, tekan **Eja**, masukkan perkataan (dengan menggunakan input teks tradisional) dan pilih **OK**.

Petua untuk menulis teks: untuk menambah ruang, tekan **O**. Untuk menukar dengan cepat cara input teks, tekan # berulang kali dan semak penunjuk di bahagian atas paparan. Untuk menambah nombor, tekan dan tahan kekunci nombor yang diinginkan. Untuk memperoleh senarai aksara khas apabila

Menulis teks

menggunakan input teks tradisional, tekan *; apabila menggunakan input teks ramal, tekan dan tahan *.
Untuk membuat asal pengosongan mesej dalam tettingkap mengedit, pilih **Pilihan** > *B/asal ksngkan*.

4. Fungsi menu

Fungsi telefon ini dikelompokkan ke dalam menu. Bukan semua fungsi menu atau item pilihan dijelaskan di sini.

Dalam mod siap sedia, pilih **Menu** dan menu dan submenu yang diinginkan. Pilih **Keluar** atau **Balik** untuk keluar dari menu semasa. Tekan kekunci tamat untuk kembali terus ke mod siap sedia.

■ Mesej

Perkhidmatan mesej hanya boleh digunakan jika ia disokong oleh rangkaian atau pembekal khidmat anda.



Tetapan mesej

Untuk mengedit tetapan mesej anda, pilih **Menu** > *Mesej* > *Tetapan mesej* dan daripada yang berikut:

M'hantar profil – pilih *Nombor pusat mesej* untuk menyimpan nombor telefon yang diperlukan untuk menghantar teks dan mesej gambar. Anda dapatkan nombor ini daripada pembekal khidmat anda. Pilih *Mesej dihantar sebagai* (perkhidmatan rangkaian) untuk memilih jenis mesej

(*Teks, Faks, Kelui*, atau *E-mel*). Pilih *Kesahan mesej* (perkhidmatan rangkaian) untuk memilih berapa lama rangkaian mencuba untuk menghantar mesej anda.

Sokongan aksara (perkhidmatan rangkaian) – untuk menetapkan sama ada pengekodan *Penuh* atau *Dikurang* digunakan semasa menghantar mesej teks

Nombor tapisan – untuk melihat atau mengedit senarai nombor yang ditapis. Mesej dari nombor yang ditapis disimpan terus ke folder *Mesej ditapis*.

Tulis mesej

Peranti anda menyokong penghantaran mesej teks yang melebihi had aksara bagi satu mesej. Mesej-mesej yang lebih panjang akan dihantar sebagai satu siri yang terdiri daripada dua atau lebih mesej. Pembekal khidmat anda boleh mengenakan bayaran yang sewajarnya. Aksara-aksara yang menggunakan aksen atau tanda-tanda lain, dan aksara-aksara dari beberapa pilihan bahasa seperti Cina, mengambil lebih banyak ruang dan membataskan bilangan aksara yang boleh dihantar dalam satu mesej.


Bilangan aksara yang tersedia dan nombor bahagian semasa bagi mesej berbilang dipaparkan di bahagian atas sebelah kanan paparan, (sebagai contoh, 918/1).

1. Pilih **Menu** > *Mesej* > *Tulis mesej*.
2. Menulis mesej.
3. Untuk menghantar mesej, pilih **Pilihan** > *Hantar*, masukkan nombor telefon penerima, dan pilih **OK**.



Nota: Apabila menghantar mesej, peranti anda mungkin memaparkan *Mesej dihantar*. Ini menandakan mesej telah dihantar oleh peranti anda ke nombor pusat mesej yang telah diprogramkan ke dalam peranti anda. Ini bukan menandakan mesej telah diterima di destinasi tujuan. Untuk butiran lanjut mengenai perkhidmatan mesej, sila periksa dengan pembekal khidmat anda.

Peti masuk, Item dihantar dan Draf

Apabila anda menerima mesej teks, bilangan mesej baru dan  dipaparkan dalam mod siap sedia. Pilih **Pamer** untuk melihat mesej dengan segera, atau **Keluar** untuk melihatnya kemudian dalam **Menu** > *Mesej* > *Peti masuk*.

Dalam *Draf*, anda boleh melihat mesej yang anda simpan dengan menu *Simpan mesej*. Dalam menu *Item dihantar*, anda boleh melihat salinan mesej yang anda telah hantarkan.

Bual

Anda boleh mengadakan perbualan dengan orang lain menggunakan (perkhidmatan rangkaian) *Bual*. Setiap mesej bual dihantar sebagai mesej teks berasingan. Mesej yang diterima dan dihantar semasa sesi berbual tidak disimpan.

Untuk memulakan sesi bual, pilih **Menu** > *Mesej* > *Bual*; atau, apabila membaca mesej teks yang diterima, pilih **Pilihan** > *Bual*.

Mesej bergambar

Anda boleh menerima dan menghantar mesej yang mengandungi gambar (perkhidmatan rangkaian). Mesej bergambar yang diterima disimpan dalam *Peti masuk*. Setiap mesej gambar terdiri daripada beberapa mesej teks. Oleh itu, menghantar satu mesej bergambar mungkin lebih mahal daripada satu mesej teks.



Nota: Fungsi mesej bergambar boleh digunakan hanya jika disokong oleh operator rangkaian atau pembekal khidmat anda. Hanya peranti serasi yang menawarkan ciri mesej bergambar boleh menerima dan memaparkan mesej bergambar. Kemunculan mesej boleh berbeza-beza bergantung kepada peranti yang menerima.

Padam mesej

Untuk memadam semua mesej yang sudah dibaca atau semua mesej dalam folder, pilih **Menu** > *Mesej* > *Padam mesej* > *Semua dibaca* atau folder yang diinginkan.

■ Kenalan

Anda boleh menyimpan nama dan nombor telefon di dalam memori telefon dan di dalam kad memori SIM. Buku telefon dalaman boleh menyimpan sehingga 200 nama.



Untuk mencari kenalan, tatal ke bawah dalam mod siap sedia, dan masukkan huruf pertama nama tersebut. Tatal ke nama yang anda kehendaki.

Anda boleh juga memilih **Menu** > *Kenalan* dan daripada pilihan yang berikut:

Tambah kenalan – untuk menyimpan nama dan nombor telefon dalam buku telefon

Salin – untuk menyalin semua nama dan nombor telefon sekali gus atau satu persatu dari buku telefon dalaman ke buku telefon SIM, atau sebaliknya

Padam – untuk memadam nama dan nombor telefon dari buku telefon secara individu atau sekali gus



Dail cepat – untuk mengaktifkan fungsi dail cepat dan untuk mengedit nombor yang diberikan kepada kekunci dail cepat

Nombor saya – untuk melihat nombor telefon yang diberikan kepada kad SIM anda, jika nombor tersebut disertakan pada kad SIM anda

Tetapan untuk kenalan

Pilih **Menu** > *Kenalan* > *Tetapan* dan daripada pilihan yang tersedia:

Memori diguna – untuk memilih sama ada nama dan nombor telefon disimpan dalam *Telefon* atau *Kad SIM*. Apabila anda menukar kad SIM, memori *Kad SIM* dipilih secara automatik.

Pamer kenalan – untuk memilih cara nama dan nombor telefon dipaparkan. Apabila anda melihat **Butiran** kenalan, nama atau nombor telefon yang disimpan dalam memori kad SIM ditunjukkan oleh  dan nama atau nombor telefon yang disimpan dalam memori telefon ditunjukkan oleh .

Status memori – untuk memeriksa jumlah nama dan nombor telefon yang telah disimpan dan berapa banyak lagi yang masih boleh disimpan dalam setiap buku telefon

■ Daftar panggilan

Telefon ini mendaftarkan nombor telefon yang tidak dijawab, yang diterima dan yang didail, anggaran tempoh panggilan anda, dan bilangan mesej yang dihantar dan diterima. Rangkaian mestilah menyokong fungsi ini, dan telefon mestilah dihidupkan dan berada di dalam kawasan perkhidmatan rangkaian.



Pilih **Menu** > *Daftar pang.* > *Panggilan tak dijawab*, *Panggilan yang diterima*, atau *Nombor yang sudah didail* > **Pilihan** untuk melihat masa panggilan; mengedit, melihat atau memanggil nombor telefon berdaftar itu; tambahkannya ke dalam buku telefon atau untuk menyenaraikan nombor yang ditapis; atau memadamnya dari senarai panggilan terbaru. Anda juga boleh

Fungsi menu

menghantar mesej teks. Untuk menetapkan semula senarai panggilan terbaru, pilih **Menu** > *Daftar pang.* > *Pdm senarai pang. terbaru* dan senarai yang anda mahu.

Pilih **Menu** > *Daftar pang.* > *Tempoh panggilan* untuk melihat anggaran tempoh bagi panggilan terakhir, semua panggilan yang diterima, semua panggilan yang didail, atau semua panggilan.

Untuk menetapkan semula pemasa, pilih *Kosongkan pengira masa*, masukkan kod keselamatan, dan pilih **OK**.



Nota: Invois sebenar untuk panggilan dan perkhidmatan dari pembekal khidmat anda mungkin berbeza-beza, bergantung kepada ciri-ciri rangkaian, pembulatan untuk bil, cukai dan sebagainya.

■ Tetapan

Dalam menu ini, anda boleh melaraskan pelbagai tetapan telefon. Untuk menetapkan semula sesetengah tetapan menu pada nilai lalainya, pilih *Simpan semula ttpn. kilang*.



Tetapan nada

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan nada* dan daripada pilihan yang tersedia:

Nada deringan – untuk menetapkan nada bagi panggilan yang masuk

Lantang deringan – untuk menetapkan tahap kelantangan bagi nada dering dan isyarat mesej. Jika anda menetapkan *Lantang deringan* kepada tahap 2 atau ke atas, telefon anda akan berdering pada kelantangan yang menaik dari tahap 1 ke tahap yang ditetapkan untuk panggilan masuk.

Isyarat getar – untuk menetapkan telefon supaya bergetar apabila anda menerima panggilan atau mesej teks

Nada isyarat mesej – untuk menetapkan nada untuk berbunyi apabila anda menerima mesej teks

Nada amaran – untuk menetapkan telefon supaya membunyikan nada, sebagai contoh, apabila bateri kehabisan kuasa

Tetapan paparan

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan paparan* dan pilihan daripada yang berikut:

Tema – tatal ke tema yang dikehendaki, dan pilih **Pilihan** > *Aktifkan* atau *Edit* untuk mengaktifkan atau mengedit tema.

Skim warna untuk melaraskan tema skim warna yang digunakan.

Jam penjimat kuasa – untuk menetapkan telefon agar menunjukkan jam digital atau klasik dan semua ikon paparan utama sebagai gambar skrin.

Masa lampu latar – untuk menetapkan sama ada lampu latar dihidupkan selama 15 saat (*Normal*), selama 30 saat (*Dipanjangkan*), atau tidak hidup langsung (*Tak aktif*). Walaupun jika *Tak aktif* dipilih, lampu latar kekal bernyala selama 15 saat apabila telefon dihidupkan.

Gambar skrin – untuk mengaktifkan atau tidak mengaktifkan gambar skrin, untuk menetapkan masa bagi mengaktifkan gambar skrin (*Masa tamat*), atau untuk memilih gambar bagi gambar skrin anda (*Gambar skrin*).

Profil

Anda boleh menyesuaikan profil untuk ciri-ciri tertentu, seperti nada dering dan gambar skrin.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Profil*, profil yang anda hendak ubah suai, dan *Pilihan sendiri*.

Tetapan masa


Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan masa* > *Jam* untuk memaparkan atau menyembunyikan jam, untuk menetapkan masa, atau untuk mengedit format masa. Untuk menetapkan tarikh, pilih *Tetapan tarikh*.

Jika bateri dikeluarkan dari telefon, anda mungkin perlu menetapkan masa dan tarikh sekali lagi.

Tetapan panggilan

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan panggilan*, dan pilihan daripada yang berikut:

Alih panggilan (perkhidmatan rangkaian) – untuk mengalihkan panggilan masuk anda ke peti mel suara atau ke beberapa nombor telefon anda yang lain. Tatal ke pilihan alihan yang anda mahu, dan pilih *Aktifkan* untuk menetapkan pilihan alihan

dibuka dan *Batal* untuk menetapkan agar ia ditutup. Untuk memeriksa sama ada pilihan yang dipilih adalah aktif, pilih *Semak status*. Untuk menentukan tundaan bagi sesetengah alihan, pilih *Plh masa t'gguh* (tidak tersedia untuk semua pilihan alihan). Beberapa pilihan alihan boleh aktif pada masa yang sama. Apabila *Alih semua panggilan bersuara* di aktifkan,  ditunjukkan di paparan dalam mod siap sedia. Untuk menyahaktifkan semua alihan panggilan, pilih *Batal semua alihan*.

Htr. identiti pe-manggil saya (perkhidmatan rangkaian) – untuk menentukan sama ada telefon anda dipaparkan atau tersembunyi daripada orang yang anda panggil

Dail semula automatik – untuk menetapkan telefon anda supaya membuat sehingga 10 percubaan untuk menyambungkan panggilan selepas satu percubaan memanggil yang gagal

Khidmat panggilan menanti (perkhidmatan rangkaian) – untuk membenarkan rangkaian memberitahu anda tentang panggilan masuk yang baru semasa anda sedang melayani panggilan lain

Talian untuk pang. keluar (perkhidmatan rangkaian) – untuk memilih talian telefon 1 atau 2 bagi membuat panggilan, atau menghalang pemilihan talian, jika disokong oleh kad SIM anda.

Tetapan telefon

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan telefon* > *Bahasa* untuk memilih bahasa untuk teks paparan, *Pilihan rangkaian* untuk menetapkan agar telefon memilih secara automatik rangkaian selular yang tersedia di kawasan anda atau untuk memilih rangkaian secara manual, *Nada permulaan* untuk memilih sama ada telefon memainkan nada apabila ia dihidupkan, atau *Kata sapaan* untuk memasukkan mesej yang ditunjukkan sebentar pada paparan apabila telefon dihidupkan.

Tetapan kos



Nota: Invois sebenar untuk panggilan dan perkhidmatan dari pembekal khidmat anda mungkin berbeza-beza, bergantung kepada ciri-ciri rangkaian, pembundaran untuk bil, cukai, dan sebagainya.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan kos* > *Kredit bayar dulu* (perkhidmatan rangkaian) untuk melihat maklumat kredit prabayar, *Pemasa dalam panggilan* untuk menghidupkan atau mematikan paparan masa panggilan, *Ringkasan panggilan* untuk menghidupkan atau mematikan laporan anggaran masa panggilan, atau *Kos panggilan* (perkhidmatan rangkaian) untuk melihat anggaran kos panggilan terakhir atau semua panggilan

anda dari segi unit yang ditetapkan dalam fungsi *Pamerkan kos dalam*.



Nota: Apabila tiada lagi unit mengecaj atau unit mata wang yang tinggal, panggilan mungkin hanya boleh dibuat ke nombor kecemasan yang telah diprogramkan ke dalam peranti ini.

Tetapan tambahan

Item tetapan tambahan kelihatan hanya selepas satu daripada tambahan berkenaan bersambung pada telefon.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan tambahan* > *Alat dengar* atau *Set gelung*.

Untuk menetapkan telefon agar menjawab bagi panggilan masuk secara automatik, pilih *Jawapan automatik*. Jika nada dering ditetapkan kepada *Bip sekali* atau profil telefon aktif adalah *Senyap*, jawab automatik akan dimatikan.

Tetapan kekunci pilihan kanan

Dalam mod siap sedia, anda boleh memilih **P'gi ke** untuk mengakses senarai pintasan. Untuk menentukan atau mengatur pintasan, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan kunci pilihan kanan*.

Untuk memilih fungsi untuk pintasan, pilih *Pilih pilihan*, untuk mengubah turutan pintasan dalam senarai, pilih *Susun*.

■ Jam penggera

Untuk menetapkan masa untuk penggera, pilih **Menu** > *Jam p'gera* > *Masa p'gera*. Untuk memilih nada bagi penggera, pilih *Nada p'gera*.



Untuk menetapkan penggera agar berbunyi sekali sahaja atau berkali-kali pada hari dalam minggu yang dipilih, pilih *Ulang p'gera*. Apabila penggera berbunyi, pilih **Henti** untuk menghentikan penggera atau **Tunda** untuk menghentikan penggera dan menetapkannya untuk berdering semula dalam masa 10 minit.

Jika tiba masa penggera semasa peranti ini dimatikan, peranti ini akan dihidupkan dengan sendirinya dan mula membunyikan nada penggera. Jika anda memilih **Henti**, peranti ini akan bertanya sama ada anda ingin mengaktifkan peranti ini untuk panggilan. Pilih **Tidak** untuk mematikan peranti ini atau **Ya** untuk membuat dan menerima panggilan. Jangan pilih **Ya** apabila penggunaan telefon wayarles boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

■ Radio



Anda boleh mendengar radio dengan menggunakan alat dengar atau pembesar suara. Pastikan alat dengar disambungkan dengan telefon. Wayar penyambung alat dengar berfungsi sebagai antena radio.



Amaran: Dengar muzik pada aras kelantangan yang sederhana. Pendedahan kepada kelantangan yang tinggi secara terus menerus boleh merosakkan pendengaran anda. Jangan pegang peranti ini dekat pada telinga apabila pembesar suara sedang digunakan, kerana kelantangannya mungkin sangat kuat.

Pilih **Menu** > **Radio** untuk menghidupkan radio. Nombor lokasi saluran, nama saluran radio (jika anda telah menyimpan saluran itu), dan frekuensi saluran radio dipaparkan. Jika anda telah menyimpan saluran radio itu,atal ke atas atau ke bawah pada saluran yang anda ingin dengar, atau tekan kekunci nombor yang sepadan untuk memilih lokasi saluran radio.

Fungsi radio

Apabila radio dihidupkan, tekan dan tahan kekunci tatal ke atas atau ke bawah untuk memulakan carian saluran. Pencarian berhenti apabila satu saluran ditemui. Untuk menyimpan saluran, pilih **OK** untuk menetapkan frekuensi, masukkan nama saluran, dan pilih lokasi tempat anda hendak menyimpannya.

Apabila radio dihidupkan, untuk melaraskan kelantangan radio, tatal ke kiri dan ke kanan.

Pilih **Pilihan** dan satu daripada yang berikut:

Matikan – untuk mematikan radio

Gambaran > Tunjuk gambaran > Aktif – untuk membolehkan telefon anda memaparkan perubahan bunyi radio secara visual. Untuk melaraskan cara paparan pelarasan, pilih *Jenis gambaran*.

Simpan saluran – untuk menyimpan saluran radio yang anda temui

Penalaan auto atau *P'nlaan. manual* – untuk mencari saluran secara automatik atau secara manual

Padam saluran atau *Nama semula* – untuk memadam atau menamakan semula saluran

Tetapkan frek – untuk memasukkan frekuensi saluran radio yang diingini

P'mbesar suara atau *Alat dengar* – untuk mendengar radio dengan menggunakan pembesar suara atau alat dengar

Radio jam – untuk menetapkan masa bagi menghidupkan radio sebagai nada penggera

Biasanya anda boleh membuat panggilan atau menjawab panggilan masuk semasa mendengar radio. Semasa panggilan, kelantangan radio dibisukan.

■ Peringatan

Untuk menyimpan nota teks pendek dengan penggera, pilih **Menu** > *Peringatan* > *Tambah baru*. Apabila masa peringatan tiba, pilih **Henti** untuk menghentikan penggera atau **T'ngguh** untuk membenarkan penggera telefon berbunyi semula dalam masa 10 minit.



■ Permainan

Setiap permainan mempunyai teks bantuan ringkas.



Untuk melaraskan tetapan permainan, pilih **Menu** > *Permainan* > *Tetapan*. Anda boleh menetapkan bunyi (*Bunyi mainan*) dan getaran (*Goncangan*) bagi permainan itu.

■ Tambahan



Kalkulator



Nota: Kalkulator mempunyai ketepatan terhad dan direka bentuk untuk pengiraan yang mudah.

Pilih **Menu** > *Tambahan* > *Kalkulator*.

1. Tekan **0** untuk **9** bagi memasukkan digit dan **#** untuk memasukkan titik perpuluhan. Untuk mengubah tanda nombor yang dimasukkan, tekan *****.
2. Tatal ke atas dan ke bawah untuk memilih **+**, **-**, **x**, atau **/** pada paparan sebelah kanan.

3. Ulang langkah 1 dan 2 jika perlu.
4. Untuk memperoleh hasil, pilih **Sama**.

Pengubah

Untuk menukar unit pengukuran yang berbeza, pilih **Menu** > *Tambahan* > *Pengubah*. Untuk mengakses lima penukaran terakhir anda, pilih *5 tukaran t'akhir*. Anda boleh juga memilih untuk menggunakan enam kategori unit yang dipratentukan: *Suhu*, *Berat*, *Panjang*, *Kawasan*, *Isipadu*, dan *Mata wang*.

Untuk menambah pertukaran anda sendiri, pilih *Tukaran saya*.

Apabila melaksanakan penukaran, anda boleh menatal ke atas dan ke bawah untuk menggantikan kedudukan unit dalam penukaran.

Kalendar

Pilih **Menu** > *Tambahan* > *Kalendar* untuk membuka kalendar dalam pameran 2 minggu.

Komposer

Pilih **Menu** > *Tambahan* > *Komposer* dan nada.

Untuk membuat nada dering anda sendiri, masukkan nota tersebut. Contohnya, tekan **4** for note **f**. Tekan **8** untuk memendekkan (-) dan **9** untuk memanjangkan (+) tempoh not atau rehat. Tekan **0** untuk memasukkan rehat, * untuk menetapkan oktaf, dan # untuk menajamkan not (tidak tersedia untuk not **e** dan **b**).

c	d	e
f	0 g	a
b	-	+
123	-	#

Apabila nada telah lengkap, pilih **Pilihan** > *Main*, *Simpan*, *Tempo*, *Hantar*, *Kosong skrin* atau *Keluar*.

Membiarkan aplikasi berjalan di latar belakang akan menambahkan penggunaan kuasa bateri dan mengurangkan hayat bateri.

■ Perkhidmatan SIM

Kad SIM anda boleh menyediakan perkhidmatan tambahan yang anda boleh akses. Menu ini dipaparkan hanya jika ia disokong oleh kad SIM anda. Nama dan kandungan menu bergantung kepada kad SIM.

Untuk mendapatkan maklumat, hubungi pembekal khidmat anda.



5. Maklumat bateri

■ Mengecas dan menyahcas

Peranti anda mendapat kuasa dari bateri yang boleh dicas semula. Prestasi penuh bateri baru dapat dicapai hanya selepas dua atau tiga kitaran mengecas dan menyahcas yang lengkap. Bateri boleh dicas dan dinyahcas beratus-ratus kali, tetapi lama kelamaan ia akan haus. Apabila masa bual dan masa siap sedia nyata lebih pendek dari biasa, gantikanlah bateri. Gunakan hanya bateri yang diluluskan oleh Nokia, dan cas semula bateri anda hanya dengan pengecas yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini.

Jika bateri gantian digunakan buat kali pertama atau jika bateri tidak digunakan untuk suatu tempoh yang lama, ia mungkin perlu untuk menyambung pengecas dan kemudian mencabut dan menyambungkannya semula untuk memulakan mengecas.

Cabut pengecas dari palam elektrik dan peranti ini apabila tidak digunakan. Jangan biarkan bateri yang telah dicas penuh tersambung kepada pengecas, kerana pengecasan berlebihan boleh memendekkan hayatnya. Jika dibiarkan tanpa digunakan bateri yang dicas penuh lama kelamaan akan nyahcas dengan sendirinya.

Jika bateri benar-benar kehabisan kuasa, beberapa minit diperlukan sebelum penunjuk pengecasan muncul di paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

Gunakan bateri hanya untuk tujuan kegunaannya. Jangan sekali-kali menggunakan sebarang pengecas atau bateri yang rosak.

Jangan melitar-pintas bateri. Melintar-pintas secara tidak sengaja boleh berlaku apabila objek logam seperti duit syiling, klip, atau pen menyebabkan sambungan langsung terminal positif (+) dan negatif (-) bateri. (Ini kelihatan seperti jalur-jalur logam pada bateri.) Ini mungkin berlaku, contohnya, apabila anda membawa bateri ganti di dalam saku atau beg tangan anda. Melintar-pintas terminal boleh merosakkan bateri atau objek yang tersambung.

Membiarkan bateri di tempat panas atau sejuk, seperti di dalam kereta yang tertutup dalam keadaan musim panas atau musim sejuk, akan mengurangkan muatan dan hayat bateri dan keupayaannya mengecap. Sentiasa cuba pastikan bateri berada pada suhu antara 15°C dan 25°C (59°F dan 77°F). Peranti dengan bateri yang panas atau sejuk mungkin tidak berfungsi buat sementara waktu, walaupun baterinya telah dicas sepenuhnya. Prestasi bateri terhad terutamanya dalam suhu yang jauh di bawah beku.

Jangan buang bateri ke dalam api kerana ia boleh meletup. Bateri boleh juga meletup jika rosak. Buang bateri menurut peraturan tempatan. Harap kitar semula jika boleh. Jangan buang sebagai sisa rumah.

■ **Garis panduan pengesahan bateri Nokia**

Sentiasa gunakan bateri-bateri asli Nokia untuk keselamatan anda. Untuk memeriksa bagi memastikan anda telah mendapat bateri asli Nokia, belilah ia daripada wakil penjual Nokia yang berdaftar, cari logo Tambahan Asli Nokia pada bungkusan dan periksa label hologram menggunakan langkah-langkah berikut:

Menyelesaikan keempat-empat langkah itu bukanlah jaminan mutlak ketulenan bateri. Jika anda mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa bateri anda bukanlah bateri asli Nokia yang tulen, jangan gunakannya, dan bawa ia ke pusat servis atau wakil penjual Nokia berdaftar yang terdekat dengan anda untuk mendapatkan bantuan. Pusat servis atau wakil penjual Nokia anda yang berdaftar akan memeriksa bateri itu bagi memastikan ketulennanya. Jika ketulennanya tidak dapat ditentusahkan, kembalikan bateri itu ke tempat pembelian.

Hologram tulen



1. Apabila melihat label hologram, anda seharusnya melihat simbol tangan berjalinan Nokia dari satu sudut dan logo Tambahan Asli Nokia apabila melihat dari sudut lain.



2. Apabila anda menyerongkan hologram ke kiri, kanan, bawah, dan atas, anda seharusnya melihat 1, 2, 3, dan 4 bintik masing-masing di setiap sisi.



3. Goreskan sisi label untuk menunjukkan kod 20-angka, misalnya 12345678919876543210. Pusingkan bateri supaya nombor-nombor itu menghadap ke atas. Kod 20-angka itu dibaca bermula dari nombor di baris atas diikuti oleh baris bawah.



4. Sahkan bahawa kod 20-angka itu sah dengan mengikut arahan di www.nokiaoriginals.com/check.

Untuk membuat mesej teks masukkan kod 20-angka, misalnya, 12345678919876543210, dan hantar ke +44 7786 200276.

Untuk membuat mesej teks,

- Bagi negara di Asia Pasifik, tidak termasuk India: Masukkan kod 20-angka, misalnya, 12345678919876543210, dan hantar ke +61 427151515.
- Untuk India sahaja: Masukkan Bateri diikuti oleh kod bateri 20-angka, misalnya, Bateri 12345678919876543210, dan hantar ke 5555.

Bayaran operator negara atau antarabangsa akan dikenakan.

Anda seharusnya menerima mesej yang menunjukkan sama ada kod itu boleh disahkan ketulenannya.

Jika anda perlukan bantuan mengesahkan kod bateri, hubungi Pusat Jagaan Nokia setempat anda yang tersenarai di www.nokia-asia.com/carecentrelocator.

Bagaimana kalau bateri anda tidak tulen?

Jika anda tidak boleh mengesahkan bahawa bateri Nokia anda dengan hologram pada labelnya adalah bateri Nokia tulen, jangan gunakan bateri tersebut. Bawa ia ke pusat servis atau penjual Nokia yang berdaftar yang terdekat untuk mendapatkan bantuan. Penggunaan bateri yang tidak diluluskan oleh pembuat mungkin merbahaya dan mungkin menghasilkan prestasi yang lemah dan merosakkan peranti anda dan tambahan-tambahannya. Ia mungkin juga mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti untuk peranti ini.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bateri Nokia asli, kunjungi www.nokiaoriginals.com/battery.

6. Tambahan Tulen

Berbagai-bagai jenis tambahan baru terdapat untuk telefon anda. Pilih tambahan yang menampung keperluan komunikasi anda yang khusus.



Beberapa tambahan diperihalkan dengan terperinci di bawah.

Untuk mengetahui sama ada sesuatu tambahan terdapat ataupun tidak, sila tanya wakil penjual setempat anda.

Beberapa peraturan praktis mengenai aksesori dan tambahan:

- Jauhkan semua aksesori dan tambahan dari kanak-kanak kecil.
- Apabila mencabut kord kuasa sebarang aksesori atau tambahan, genggam dan tarik palamnya, bukan kordnya.
- Periksa secara tetap bagi memastikan bahawa sebarang tambahan yang dipasang pada kenderaan telah dipasang dan beroperasi dengan betul.
- Pemasangan sebarang tambahan kereta yang kompleks mesti dibuat oleh kakitangan berkelayakan sahaja.

Gunakan hanya bateri, pengecas dan tambahan yang diluluskan oleh pembuat telefon. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang diberi untuk telefon ini, dan mungkin merbahaya.

■ Bateri

Jenis	Tek	Masa bual *	Siap sedia *
BL-5C	Li-ion	Sehingga 3 jam - 5 jam	Sehingga 250 jam- 320 jam

* Perbezaan dalam masa operasi mungkin berlaku bergantung kepada kad SIM, tetapan rangkaian dan penggunaan, gaya penggunaan dan persekitaran. Penggunaan radio FM dan bebas tangan bersepadu akan menjejaskan masa bual dan siap sedia.

■ Pengecas Bergerak Nokia LCH-12

Pengecas berbilang voltan ini muat dimasukkan ke dalam pemetik api yang serasi dan mengemas bateri telefon anda.

■ Audio

Alat dengar HDC-5

Untuk memudahkan penggunaan alat dengar ini, alat kawalan jauh telah disediakan.

Nokia Dwi-Alat Dengar HS-7

Kendalian bebas tangan yang selesa dengan butang kawalan jauh untuk menjawab dan menamatkan panggilan menjadikan alat dengar ini mudah dan senang digunakan.

7. Penjagaan dan penyelenggaraan

Peranti anda adalah produk hasil reka bentuk dan ketukangan unggul dan patut dijaga dengan baik. Cadangan-cadangan yang di bawah akan membantu anda melindungi perlindungan jaminan anda.

- Pastikan peranti ini sentiasa kering. Pemendakan, kelembapan, dan semua jenis cecair atau lembapan boleh mengandungi mineral-mineral yang akan mengakis litar elektronik. Jika peranti anda menjadi basah, keluarkan baterinya, dan biarkan peranti ini benar-benar kering sebelum memasangnya semula.
- Jangan gunakan atau simpan peranti ini di tempat yang berhabuk dan kotor. Bahagian-bahagian bergerak dan komponen-komponen elektrik di dalamnya boleh menjadi rosak.
- Jangan simpan peranti ini di tempat yang panas. Suhu tinggi boleh memendekkan hayat peranti elektronik, merosakkan bateri, dan meledingkan atau mencairkan plastik tertentu.
- Jangan simpan peranti ini di tempat yang sejuk. Apabila peranti ini kembali kepada suhu normalnya, lembapan boleh

terbentuk di dalam peranti ini, dan merosakkan papan litar elektroniknya.

- Jangan cuba membuka peranti ini dengan cara yang lain daripada yang diarahkan di dalam panduan ini.
- Jangan jatuhkan, ketuk atau goncang peranti ini. Pengendalian yang kasar boleh memecahkan papan litar dalaman dan mekanisme halus.
- Jangan gunakan kimia, pelarut pembersihan, atau bahan cuci yang keras untuk membersihkan peranti ini.
- Jangan cat peranti ini. Cat boleh menyebabkan bahagian-bahagian yang boleh digerakkan menjadi tersendat dan menghalang operasi sempurna.
- Gunakan hanya antena ganti yang dibekalkan atau diluluskan. Antena, pengubahsuaian atau pemasangan yang tidak dibenarkan boleh merosakkan peranti ini dan mungkin melanggar peraturan yang berkuatkuasa bagi peranti radio.
- Gunakan pengecas di dalam bangunan.
- Sentiasa buat sandaran bagi data yang ingin anda simpan (seperti kenalan dan nota kalendar) sebelum menghantar peranti anda ke kemudahan servis.

Semua cadangan yang di atas sama berkaitan dengan peranti anda, bateri, pengecas atau sebarang tambahan. Jika sebarang peranti tidak berfungsi dengan betul, bawa ia ke kemudahan servis berdaftar yang terdekat untuk servis.

8. Maklumat keselamatan tambahan

Peranti anda dan tambahan-tambahannya mungkin mengandungi bahagian-bahagian kecil. Jauhkan ia dari kanak-kanak kecil.

■ Persekitaran beroperasi

Ingatlah supaya mematuhi sebarang peraturan khas yang berkuatkuasa di mana sahaja, dan sentiasa matikan peranti anda di mana penggunaannya dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya. Gunakan peranti ini dalam kedudukan operasinya yang biasa sahaja. Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan dalam kedudukan biasa pada telinga atau apabila diletakkan sekurang-kurangnya 2.2 sentimeter (7/8 inci) jauhnya dari badan. Apabila sarung pembawa, klip tali pinggang, atau pemegang digunakan bagi operasi pakai pada badan, ia tidak seharusnya mengandungi logam dan harus meletakkan peranti sejauh jarak yang disebut di atas dari badan.

Untuk menghantar fail data atau mesej, peranti ini memerlukan sambungan bermutu baik kepada rangkaian. Dalam sesetengah

hal, penghantaran fail data atau mesej mungkin tertunda sehingga sambungan demikian terdapat. Pastikan arahan jarak pemisahan di atas dipatuhi sehingga penghantaran selesai.

Sebahagian daripada peranti bermagnet. Bahan-bahan logam boleh tertarik pada peranti ini. Jangan letak kad kredit atau media simpanan bermagnet yang lain dekat dengan peranti, kerana maklumat yang disimpan di dalamnya mungkin terpadam.

■ Alat perubatan

Operasi sebarang peralatan pemancar radio, termasuk telefon wayarles, boleh mengganggu fungsi alat-alat perubatan yang tidak dilindungi secukupnya. Anda harus berjumpa dengan pakar perubatan atau pembuat alat perubatan tersebut untuk menentukan sama ada ia dilindungi secukupnya daripada tenaga RF luaran atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan. Matikan peranti ini di kemudahan jagaan kesihatan apabila diarahkan berbuat demikian oleh peraturan yang ditampalkan di tempat-tempat ini. Hospital atau kemudahan jagaan kesihatan mungkin menggunakan peralatan yang peka terhadap tenaga RF luaran.

Perentak jantung

Pembuat perentak jantung menyarankan agar memisahkan telefon wayarles pegang tangan dengan perentak jantung pada jarak pemisahan minimum 15.3 sentimeter. (6 inci) bagi mengelakkan gangguan yang mungkin berlaku kepada perentak jantung. Saranan-saranan ini adalah selaras dengan saranan-saranan penyelidikan bebas dan Penyelidikan Teknologi Wayarles. Mereka yang menggunakan perentak jantung harus:

- Sentiasa pastikan peranti berada lebih daripada 15.3 sentimeter (6 inci) dari perentak jantung
- Tidak membawa peranti ini di dalam saku dadanya
- Pegang peranti ini pada telinga yang bertentangan dengan perentak jantung untuk mengurangkan gangguan yang mungkin berlaku.

Jika anda mengesyaki terdapat gangguan, matikan peranti anda dan jauhkan peranti.

Alat bantuan pendengaran

Sesetengah peranti wayarles digital boleh mengganggu sesetengah alat bantuan pendengaran. Jika gangguan berlaku, hubungi pembekal khidmat anda.

■ Kenderaan

Isyarat RF boleh menjejaskan sistem elektronik yang tidak dipasang dengan betul atau tidak dilindungi secukupnya di dalam kenderaan bermotor seperti sistem pancitan bahan bakar elektronik, sistem brek anti-kelincir (anti-kunci) elektronik, sistem kawalan kelajuan elektronik, sistem beg udara. Untuk maklumat lanjut, periksa dengan pembuat kenderaan anda atau wakilnya atau sebarang peralatan yang telah ditambahkan.

Hanya kakitangan yang berkelayakan harus membaiki peranti ini, atau memasang peranti ini di dalam kenderaan. Pemasangan atau servis yang tidak betul membahayakan dan boleh mentaksahkan sebarang waranti yang mungkin diberikan bagi peranti ini. Periksa dari masa ke masa dengan tetap semua peralatan peranti wayarles di dalam kenderaan anda bagi memastikan ia dipasang dan beroperasi dengan betul. Jangan simpan atau bawa cecair mudah terbakar, gas, atau bahan mudah meletup di dalam tempat yang sama dengan peranti ini, bahagian-bahagiannya atau tambahan-tambahannya. Untuk kenderaan yang dilengkapi beg udara, anda harus ingat bahawa beg udara mengembang dengan daya yang amat kuat. Jangan letakkan barang-barang, termasuk peralatan wayarles baik yang terpasang mahupun yang mudah dialih di tempat di atas beg udara atau di tempat pelancaran beg udara. Jika peralatan

wayarles di dalam kenderaan tidak dipasang dengan betul dan beg udara mengembang, kecederaan serius boleh berlaku.

Menggunakan peranti anda semasa terbang di dalam pesawat adalah dilarang. Matikan peranti anda sebelum menaiki pesawat. Penggunaan peranti telefon wayarles di dalam pesawat boleh membahayakan pengendalian pesawat, mengganggu rangkaian telefon wayarles, dan mungkin menyalahi undang-undang.

■ Persekitaran di mana letupan boleh berlaku

Matikan peranti anda apabila berada di kawasan di mana letupan boleh berlaku, dan patuhi semua papan tanda dan arahan. Persekitaran di mana letupan boleh berlaku termasuk tempat-tempat di mana anda biasanya dinasihatkan supaya mematikan enjin kenderaan anda. Percikan api di kawasan-kawasan seperti itu boleh menyebabkan letupan atau kebakaran yang mengakibatkan kecederaan pada badan ataupun kematian. Matikan peranti ini di tempat-tempat mengisi bahan bakar seperti berdekatan dengan pam gas di stesen minyak. Patuhi sekatan-sekatan terhadap penggunaan peralatan radio di depo, tempat-tempat penyimpanan dan pengedaran bahan bakar; loji kimia; atau tempat operasi peletupan sedang berjalan.

Kawasan-kawasan di mana letupan boleh berlaku sering tetapi tidak semestinya ditandakan dengan jelas. Ia termasuk di bawah dek di dalam bot, kemudahan memindah atau menyimpan bahan kimia, kenderaan yang menggunakan gas petroleum cecair (seperti propana dan butana), dan tempat-tempat di mana udaranya mengandungi bahan kimia atau zarah seperti butir, habuk atau serbuk logam.

■ Panggilan kecemasan



Penting: Telefon wayarles, termasuk peranti ini, beroperasi menggunakan isyarat radio, rangkaian wayarles, rangkaian talian darat, dan fungsi-fungsi yang diprogram pengguna. Oleh kerana itu, sambungan dalam semua keadaan tidak dapat dijamin. Anda tidak harus sekali-kali bergantung semata-mata kepada sebarang peranti wayarles untuk komunikasi penting seperti kecemasan perubatan.

Untuk membuat panggilan kecemasan:

1. Jika peranti ini belum dihidupkan, hidupkan ia. Periksa untuk memastikan kekuatan isyarat yang mencukupi. Sesetengah rangkaian mungkin memerlukan kad SIM yang sah dimasukkan dengan betul ke dalam peranti.

2. Tekan kekunci tamat seberapa banyak kali yang perlu untuk mengosongkan paparan dan menyediakan peranti ini untuk panggilan.
3. Masukkan nombor kecemasan rasmi bagi lokasi semasa anda. Nombor-nombor kecemasan berbeza mengikut lokasi.
4. Tekan kekunci panggil.

Jika ciri-ciri tertentu sedang digunakan, anda mungkin perlu menyahaktifkan ciri-ciri tersebut dahulu sebelum anda boleh membuat panggilan kecemasan. Lihat panduan ini atau hubungi pembekal khidmat anda untuk maklumat lanjut.

Apabila membuat panggilan kecemasan, berikan semua maklumat yang perlu seberapa tepat yang mungkin. Peranti wayarles anda mungkin satu-satunya alat komunikasi di tempat kemalangan itu. Jangan tamatkan panggilan sehingga dibenarkan berbuat demikian.

■ Maklumat pensijilan (SAR)

PERANTI INI MEMENUHI GARIS PANDUAN ANTARABANGSA BAGI PENDEDAHAN KEPADA GELOMBANG RADIO

Peranti bimbit anda adalah sebuah pemancar dan penerima radio. Ia direka bentuk dan dibuat supaya tidak melebihi had untuk pendedahan kepada frekuensi radio (RF) yang disarankan oleh garis panduan antarabangsa (ICNIRP). Had-had ini adalah sebahagian daripada garis panduan komprehensif dan menetapkan tahap tenaga RF yang dibenarkan untuk penduduk umum. Garis panduan ini telah dihasilkan oleh pertubuhan-pertubuhan saintifik bebas menerusi penilaian kajian saintifik yang berkala dan teliti. Garis panduan ini termasuk margin keselamatan yang luas yang bertujuan memastikan keselamatan semua orang, tanpa mengira usia dan kesihatan.

Piawai pendedahan bagi peranti-peranti bimbit menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Tertentu (Specific Absorption Rate), atau SAR. Had SAR yang dinyatakan dalam garis panduan antarabangsa adalah 2.0 watts/kilogram (W/kg)*. Ujian bagi SAR yang dijalankan menggunakan kedudukan beroperasi biasa dengan peranti memancar pada aras kuasa yang disahkan tertinggi dalam semua jalur frekuensi yang diuji. Walaupun SAR ditentukan pada aras kuasa yang disahkan tertinggi, SAR sebenar peranti semasa beroperasi

boleh menjadi jauh di bawah nilai maksimum. Ini adalah kerana peranti ini direka bentuk untuk beroperasi pada aras kuasa berbilang supaya menggunakan hanya kuasa yang diperlukan bagi mencapai rangkaian. Secara umum, lebih dekat anda berada dengan stesen induk, lebih rendah output kuasa peranti.

Nilai SAR tertinggi bagi peranti apabila diuji untuk digunakan pada telinga ialah 0.64 W/kg.

Nilai SAR mungkin berubah-ubah bergantung kepada keperluan laporan kebangsaan dan pengujian dan jalur rangkaian. Penggunaan aksesori dan tambahan peranti boleh menghasilkan nilai-nilai SAR yang berbeza-beza. Maklumat SAR tambahan boleh diberikan di bawah maklumat produk di www.nokia-asia.com.

* Had SAR bagi peranti bimbis yang digunakan oleh orang awam ialah 2.0 W/kg dipuratakan pada 10 gram tisu badan. Garis panduan ini menggabungkan margin keselamatan yang luas untuk memberi perlindungan tambahan kepada orang ramai dan untuk mengambil kira sebarang kelainan dalam pengukuran. Nilai SAR mungkin berubah-ubah bergantung kepada keperluan laporan kebangsaan dan jalur rangkaian. Untuk maklumat SAR di kawasan-kawasan lain, sila lihat di bawah maklumat produk di www.nokia.com.

Indeks

A

Alat dengar HDC-5 42
Alat perubatan 47
Audio 42

B

Bateri 41
Bual 16

D

Daftar panggilan 19

F

Fungsi menu 13
Fungsi radio 29
Fungsi-fungsi panggilan 9

G

Garis panduan pengesahan
bateri Nokia 36

J

Jam penggera 27

K

Kalendar 32
Kalkulator 31
Kekunci dan bahagian-
bahagian 5
Kenalan 17
Kenderaan 49
Kod akses x
Komposer 33

M

Maklumat am x
Maklumat bateri 34
 jenis 41
Maklumat keselamatan
 tambahan 46
Maklumat pensijilan (SAR) 53
Maklumat sokongan dan
 hubungan Nokia xii
Memasukkan kad SIM dan
 bateri 1
Membuat dan menjawab
 panggilan 9
Membuat mesej 14
Memori yang dikongsi xi

Memulakan 1
Mengecas bateri 3
Mengecas dan Menyahcas 34
Menghidupkan dan
mematikan 4
Mengunci pad kekunci 7
Menulis teks 11
Mesej 13
Mesej bergambar 16
Mesej suara 10

N

Nokia Dwi-Alat Dengar
HS-7 42

P

Padam mesej 17
Panggilan kecemasan 51
Pembesar suara 10
Pengecas Bergerak
Nokia LCH-12 42
Penjagaan dan
penyelenggaraan 43
Penukar 32
Perihal peranti anda viii
Peringatan 30
Perkhidmatan rangkaian viii
Perkhidmatan SIM 33

Permainan 31
Persekitaran beroperasi 46
Persekitaran di mana letupan
boleh berlaku 50
Peti masuk, item telah
dihantar, dan draf 15
Pintasan dalam mod siap
sedia 6
Profil 23

R

Radio 28

T

Tambahan 31
Tambahan Tulen 40
Tetapan 20
Tetapan kekunci pilihan
kanan 26
Tetapan kos 25
Tetapan mesej 13
Tetapan nada 21
Tetapan panggilan 23
Tetapan paparan 22
Tetapan penambahan 26
Tetapan telefon 25
Tetapan untuk kenalan 18
Tetapkan masa 23

U

Untuk keselamatan anda v